

## Penghargaan

Segala pujian kepada Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W juga ahli keluarga dan para sahabat Rasullullah.

Alhamdulillah! Akhirnya saya dapat menyelesaikan tulisan disertasi ini dengan jayanya

Terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari kerana telah banyak membimbing saya bagi menghabiskan tulisan disertasi ini. Tanpa petunjuk daripada Allah S.W.T mungkin tulisan disertasi ini tidak dapat diselesaikan. Sebagai seorang Islam yang juga pernah bergelar sebagai Saudara Baru saya faham bahawa Allah S.W.T telah memilih Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari untuk menjadi penyelia bagi membimbing saya dalam tulisan disertasi ini.

“Ya Allah! Terimalah Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari, suaminya dan ahli keluarganya sebagai hamba-hamba mu yang akan berjaya di akhirat nanti. Tempatkan mereka di Syurga yang tertinggi.”

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kawan-kawan dan para pensyarah serta kakitangan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, yang telah banyak memberi pertolongan kepada saya untuk menghabiskan tulisan disertasi ini, Moga-moga Allah S.W.T membalas budi mereka dengan kebaikan di dunia dan akhirat.

Disini saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga angkat saya yang tinggal di Kg. Batu Gajah Merlimau Melaka kerana telah banyak memberi bimbingan dan sokongan kepada saya untuk menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertaqwa.

Tidak dilupakan juga Puan Rosita bt. Amat ( asal Kg. Batu Gajah Merlimau Melaka ) yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, yang telah banyak memberi sokongan dan bimbingan kepada saya untuk menjadi individu Muslim yang beriman dan bertaqwa. Moga-moga Puan Rozita bt. Amat, suaminya serta anak-anaknya dikasihi dan diterima oleh Allah SWT sebagai hamba yang beriman dan bertaqwa dunia akhirat.

Kepada kedua-dua ibu bapa saya, yang masih belum Muslim, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kerana sentiasa memberi sokongan kepada saya untuk hidup sebagai orang Islam. Saya bangga mendapat ibu bapa seperti kamu berdua. Moga-moga doa saya dimakbulkan oleh Allah S.W.T terhadap kamu.

SEKIAN TERIMA KASIH

